

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.03.01/10.12/3 Jld. 2 (29)

1 Disember 2023
17 Jamadilawal 1445

PEKELILING BENDAHARI BIL. 9/2023

COST RECOVERY UNIVERSITI (CRU) DAN TABUNG KEMANDIRIAN UNIVERSITI

Dimaklumkan bahawa, Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 14/2023 pada 22 Ogos 2023 telah meluluskan pemakaian penstrukturan semula *Cost Recovery* Universiti (CRU) dan penubuhan Tabung Kemandirian Universiti.

2. Penstrukturan semula kadar *Cost Recovery* Universiti (CRU) bagi tujuan penyeragaman kadar sumbangan (keuntungan/ pendapatan) daripada :

- (a) Program akademik (bukan perdana),
- (b) Projek perundingan,
- (c) Seminar/kursus dan
- (d) Lain-lain penjana hasil yang diuruskan secara lestari (*self-sustaining*).

3. Penubuhan tabung kemandirian kewangan untuk menggalak pertumbuhan rezab Fakulti/PTJ. Terdapat tiga tabung kemandirian kewangan yang ditubuhkan iaitu :

- (a) Tabung Kemandirian Kewangan Akademik,
- (b) Tabung Kemandirian Penyelidikan & Inovasi dan
- (c) Tabung Kemandirian Kewangan Perkhidmatan.

5. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta mengambil maklum dan menggunakan pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2024 (Isnin)**. Dengan pemakaian pekeliling ini, Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2019 iaitu Polisi 'Cost Recovery' Universiti Teknologi Malaysia adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,



(ABU BAKAR BIN MOHD SALLEH@AHMAD)

Bendahari

Universiti Teknologi Malaysia

Tel: +(6)07-5533333 Faks: +(6)07-5579887 <http://www.utm.my> Emel: bendahari@utm.my

Ruj. Kami: UTM.J.03.01/10.12/3 Jld. 2 (29)
Tarikh: 1 Disember 2023

PEKELILING BENDAHARI BIL. 9 TAHUN 2023

Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Dekan/Pengerusi/Pengarah
Ketua Bahagian/Jabatan Universiti Teknologi Malaysia

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Y. Bhg. Tan Sri/ Datuk /Dato'/ Prof/ Dr/Saudara,

COST RECOVERY UNIVERSITI (CRU) DAN TABUNG KEMANDIRIAN UNIVERSITI

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) tentang penstrukturan *Cost Recovery* Universiti (CRU) dan penubuhan Tabung Kemandirian Universiti seperti kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 14/2023 pada 22 Ogos 2023.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti telah memohon untuk membuat penstrukturan semula kadar CRU kerana penting untuk meningkatkan kecekapan kewangan Universiti dalam menyediakan perkhidmatan bertaraf dunia.
- 2.2 Caj CRU ke atas aktiviti-aktiviti penjanaan pendapatan distruktur semula agar dana tambahan dapat diperuntukkan untuk menampung kos sumber, peralatan dan overhead Universiti yang semakin meningkat.

- 2.3 Penstrukturan semula kadar CRU ini disusuli dengan penubuhan Tabung Kemandirian Kewangan Universiti. Tabung ini dilihat dapat memupuk budaya menabung dan menggalakkan pertumbuhan rezab bagi membolehkan Fakulti/Jabatan lebih berautonomi dari segi kewangan pada masa akan hadapan dan menjamin kelangsungan Universiti. Inisiatif ini adalah selari dengan saranan YB Menteri Pendidikan Tinggi agar Universiti mandiri dari segi kewangan.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Memberikan panduan kepada warga Universiti asas elemen kewangan yang perlu diambilkira dalam perancangan kewangan bagi sesuatu program/aktiviti yang bakal dijalankan.
- 3.2 Menggariskan elemen sumbangan kepada Universiti bagi setiap program/aktiviti penjana pendapatan yang menggunakan sumber Universiti
- 3.3 Menyediakan satu kerangka (*framework*) *Cost Recovery – Provocative Approach* kepada Universiti demi menjamin kelestarian kewangan Universiti di masa hadapan.

4.0 PELAKSANAAN

- 4.1 Sebarang Program/Aktiviti yang dijalankan oleh warga Universiti/PTJ perlu mempunyai perancangan kewangan yang telus dan mengambilkira elemen *overhead* Universiti. Justeru itu, adalah disarankan penggunaan templat seperti di **Lampiran I – Penyata Pendapatan Program/Aktiviti & Cost Recovery Universiti** sebagai panduan kepada warga Universiti.
- 4.2 Bagi Program/Aktiviti PTJ yang menjana pendapatan, Peratus Agihan Sumbangan daripada Tabung-Tabung Amanah adalah seperti di **Lampiran II – Jadual Agihan Pendapatan (Cost Recovery UTM)**

5.0 TARIKH KUATKUASA

5.1 Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2019 Polisi '*Cost Recovery*' Universiti Teknologi Malaysia adalah terbatal.

5.2 Pekeliling Bendahari ini berkuatkuasa mulai dari **1 Januari 2024 (Isnin)**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,



(ABU BAKAR BIN MOHD SALLEH@AHMAD)

Bendahari

Universiti Teknologi Malaysia

Penyata Pendapatan Program/Aktiviti & Cost Recovery Universiti

Tajuk Program/Aktiviti _____ diisikan oleh penganjur program/aktiviti _____

PENDAPATAN PROGRAM/AKTIVITI	RM	RM	RM
1. PENDAPATAN LANGSUNG (KASAR)			
a. Yuran Penyertaan			
- Peserta Dalam Negara	100,000.00		
- Peserta Luar Negara	<u>50,000.00</u>		
Jumlah Kecil		150,000.00	
b. Penajaan/ <i>Sponsor</i>			
- Agensi/Kerajaan	30,000.00		
- Swasta	<u>40,000.00</u>		
Jumlah Kecil		70,000.00	
2. PENDAPATAN LAIN (KASAR)			
a. Sewaan Tapak Karnival	10,000.00		
b. Sewaan Khemah	<u>5,000.00</u>		
Jumlah Kecil		15,000.00	
Jumlah Besar Pendapatan (1+2)			235,000.00 (A)
KOS PENGENDALIAN PROGRAM/AKTIVITI	RM	RM	RM
3. KOS LANGSUNG			
a. Kos Awalan			
- Penyediaan Brochure & Kertas Kerja	2,000.00		
- Penyediaan Banner	2,000.00		
- Iklan & Seranta	6,500.00		
- Mesyuarat & Persiapan	1,000.00		
- Kontigensi/Pelbagai	<u>2,000.00</u>		
Jumlah Kecil		13,500.00	
b. Kos Program/Aktiviti			
- Bahan Guna Habis	2,000.00		
- Alatulis, Beg, Nota, Sijil Penyertaan & Tag Nama	5,000.00		
- Penyediaan Makan & Minum	30,000.00		
- Penginapan (jika ada)	45,000.00		
- Prosiding Kertas Kerja	2,000.00		
- Backdrop	5,000.00		
- Pelbagai (Urusan Pendaftaran/Kos Lain)	3,000.00		
- Kontigensi	<u>5,000.00</u>		
Jumlah Kecil		97,000.00	
c. Tuntutan Makan/Perjalanan/Penginapan Penceramah/Peserta/Urusetia			
- Makan	5,000.00		
- Perjalanan & Pengangkutan	12,000.00		
- Penginapan	<u>5,000.00</u>		
Jumlah Kecil		22,000.00	

Penyata Pendapatan Program/Aktiviti & Cost Recovery Universiti

Tajuk Program/Aktiviti _____ diisikan oleh penganjur program/aktiviti _____

KOS PENGENDALIAN PROGRAM/AKTIVITI	RM	RM	RM
4. HONORARIUM/SAGUHATI/UPAH			
a. Penceramah			
- Penyediaan Modul/Syarah	16,000.00		
- Cenderamata	<u>2,000.00</u>		
Jumlah Kecil		18,000.00	
Jumlah Besar Kos Langsung dan Honorarium (3+4)		<u>150,500.00</u>	
5. OVERHEAD			
a. Penggunaan Kemudahan Universiti	5,000.00		
- Kenderaan Universiti	3,000.00		
- Peralatan Fakulti/Universiti	<u>2,000.00</u>		
- Ruang/Makmal/Dewan Seminar		10,000.00	
Jumlah Kecil			
b. Sumber Manusia - Urusetia/Staf yang terlibat			
- Urusetia (10 org x 28 jam x RM40.00)	11,200.00		
- Staf Sokongan	<u>5,000.00</u>		
Jumlah Kecil		16,200.00	
c. Kos Tidak Langsung Universiti			
- University Branding			
- Utiliti : Elektrik, Air			
- Kemudahan IT			
- Kos Pentadbiran			
Contoh : Pengiraan Kos Tidak Langsung Universiti – Program/Aktiviti Seminar bagi CRU			
CRU:			
- 10% x RM150,000.00 (Pendapatan Seminar – Yuran Penyertaan)			
- 40% x RM15,000.00 (Pendapatan Sewaan – Sewaan Tapak Karnival dan Khemah)	15,000.00		
Jumlah Kecil	<u>6,000.00</u>		
		21,000.00	
Jumlah Besar Overhead (5)		<u>47,200.00</u>	
Jumlah Keseluruhan Kos (3+4+5)			197,700.00 (B)
Untung/(Rugi) Program/Aktiviti (A-B)			<u>37,300.00</u>
<i>*jika rugi jumlah kos lebih besar dari pendapatan</i>			
Sumbangan Akhir			<u>37,300.00</u>
<i>*lebih keuntungan ke Tabung Seminar Fakulti/PTJ</i>			

Penyata Pendapatan Program/Aktiviti & Cost Recovery Universiti**Nota :****1. Pendapatan Langsung**

Pendapatan langsung/sumber utama yang dijana hasil daripada program/aktiviti yang dijalankan

2. Pendapatan Lain

Pendapatan yang dijana berdasarkan hasil sampingan lanjutan daripada program/aktiviti yang dijalankan.

3. Kos Langsung

Kos yang terlibat secara langsung dengan program/aktiviti utama yang dijalankan. Elemen kos akan berubah mengikut kapasiti program/aktiviti yang dijalankan.

4. Kos Overhead

Elemen kos adalah tetap tanpa mengambilkira kapasiti program/aktiviti yang dijalankan.

Jadual Agihan Pendapatan (Cost Recovery UTM)

Bil.	Program/ Aktiviti	% Sumbangan	% Agihan
1	Seminar/ Kursus/ Persidangan	10% * Pendapatan Kasar	10% Tabung Pengurusan UTM
2	Perundingan	10% * Pendapatan Kasar	10% Tabung Pengurusan UTM
3	Ujikaji (<i>Testing</i>)	15% * Pendapatan Kasar	10% Tabung Pengurusan UTM 5% Tabung Kemandirian Kewangan (Penyelidikan)
4	Penerbitan Akademik	10% * Pendapatan Kasar	10% Tabung Pengurusan UTM
5	Komersialisasi (<i>Licensing & Outright</i>) (a) <i>Spin-Off</i> UTM (b) Fakulti dan CoE	15% * Pendapatan Kasar 5% Pendapatan Kasar	10% Tabung Pengurusan UTM 5% Tabung Kemandirian Kewangan (Penyelidikan) 5% Tabung Pengurusan UTM
6	Program Khas Akademik/ Pesisir	Yuran Asas 5% *Pendapatan Kasar	5% Hasil Mengurus Tabung Kemandirian Kewangan (Akademik)
7	Program <i>Open Distance Learning (ODL)</i>	40% * Yuran Pelajaran ODL Yuran Perkhidmatan ODL	35% Tabung Pengurusan UTM 5% Tabung Kemandirian Kewangan (Akademik) 100% Tabung Perkhidmatan ODL UTM
8	Program <i>Micro Credential (MC)</i> - Yuran, Lencana serta Sijil Digital MC	10% * Pendapatan Kasar	10% Tabung Pengurusan UTM
9	Program MOOCs - Sijil MOOCs	15% * Pendapatan Kasar	15% Tabung Pengurusan UTM
10	Program <i>Micro-Credential (MC)</i> & MOOCs - Pindah Kredit	20% * Pendapatan Kasar	20% Tabung Pengurusan UTM
11	Pengewangan Aset : (a) Dusun/ Ternakan (b) Stadium/ Kompleks Sukan/ Kolam Renang (c) Eco-Tourism (d) Perumahan Staf JB (e) Rumah Tamu KL	20% * Pendapatan Kasar	20% Hasil Mengurus / Tabung Pengurusan UTM
12	Arked dan <i>Business Outlet</i>	50% * Pendapatan Kasar	50% Hasil Mengurus
13	<i>One Stop Space Rental</i>	80% * Pendapatan Kasar	80% Hasil Mengurus
14	(a) Kolej Kediaman (Masa Cuti) (b) <i>Scholar's Inn</i> JB (c) Perkhidmatan Pengangkutan (d) Perkhidmatan <i>Fleet</i> (Luaran) (e) Perkhidmatan Kesihatan (f) Hemodialisis (Luaran) (g) Akreditasi Program Akademik	20% Keuntungan Bersih	20% Tabung Pengurusan UTM
15	(a) Pajakan Ladang (b) Pajakan Bangunan (c) Utiliti (Pajakan) (d) Pajakan Tanah (e) Sewaan Telekomunikasi	98% * Pendapatan Kasar	5% Tabung Kemandirian Kewangan (Perkhidmatan) 93% Hasil Mengurus
16	Aktiviti Penjana Pendapatan - Selain kategori di atas	40% * Pendapatan Kasar	35% Tabung Pengurusan UTM 5% Tabung Kemandirian Kewangan (Perkhidmatan)